

DBKL akui kesilapan teknikal punca bil air melambung

KOSMO
03/08/08
M/S14.

KUALA LUMPUR - Kesilapan teknikal dikenal pasti sebagai punca kepada masalah bil air naik secara mendadak penghuni di rumah pangsa Razak Mansion, Jalan Sungai Besi di sini.

Itu penjelasan oleh Pengerah Jabatan Perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Abdul Samad Ope Pihie berhubung masalah bil air yang diterima memecah sebilian RM10,000 pada bulan ini.

Menurut Abdul Samad, pihaknya telah membuat pemeriksaan dan mendapatkan meter air di rumah pangsa tersebut mempunyai kesilapan berhubung kemaskini data terhadap meter air setiap pemiliknya.

"Malah, pihak kami telah pun menyelaraskan kembali meter air di perumahan tersebut dan akan mengeluarkan bil baru terkini kepada setiap penghuni di situ," ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Semalam, *Kosmo!* melaporkan mengenai nasib seorang penghuni rumah pangsa Razak Mansion, Jalan Sungai Besi di sini apabila bil air terbarunya bagi bulan Jun dan Julai meningkat 400 kali ganda dan mencatatkan nilai mengejutkan iaitu sebanyak RM 9,804.90.

Malah, nasib malang itu juga menimpa penghuni-penghuni yang lain apabila bil air turut meningkat dua kali ganda daripada bil yang sebelum ini tidak melebihi seratus kepada RM188.50.

Serentak dengan itu, menurut Abdul Samad, penghuni-penghuni tersebut tidak perlu risau dengan bayaran 'cekik darah' itu kerana mereka boleh mengetepikan bayaran tersebut dan membuat pembayaran apabila bil terbaru diterima dalam tempoh terdekat ini.

"Mereka boleh mengabaikan bil tersebut dan tidak payah memikirkan mengenainya, malah mereka hanya menunggu bil baru sampai," ujarnya.

Abdul Samad menambah, DBKL berterima kasih kepada penduduk yang mengemukakan masalah tersebut kepada pihak berkuasa itu dan memberi jaminan bahawa masalah tersebut tidak akan berulang.

Tinggal berdua, bil air RM9,800 sebulan

(Dua KOSMOLAH KADAR)

KUALA LUMPUR - Bil air meningkat sehingga 400 kali ganda.

Itulah nasib yang dialami seorang penghuni rumah pangsa Razak Mansion di sini apabila bil air terbarunya bagi bulan Jun dan Julai meningkat 400 kali ganda.

Liew Wing Yi, yang tinggal dengan bil itu berkata, jumlah bil tersebut yang tertera di rumahnya memang di luar jangka. Bil air yang diterima yang sebelum ini tidak pernah melebihi RM100.

"Mula-mula saya ingat bil air biasa, bil tertera kepada RM100 kerana saya sempat angka nombor bil tersebut pada bila-bila masa," katanya.

"Supaya saya dapat bil air yang lebih rendah, saya telah datang ke pejabat DBKL untuk mengemukakan masalah tersebut kepada pihak berkuasa itu dan memberi jaminan bahawa masalah tersebut tidak akan berulang."



LIEW WING YI menunjukkan bil air yang meningkat beratus kali ganda kepada DBKL di Kuala Lumpur semalam.

Ingat bil air yang rendah, saya telah datang ke pejabat DBKL untuk mengemukakan masalah tersebut kepada pihak berkuasa itu dan memberi jaminan bahawa masalah tersebut tidak akan berulang."

KERATAN *Kosmo!* semalam.